

**PEMBUKAAN RASMI MARKAS PANGLIMA ARMADA TLDM
LUMUT, PERAK**

20 NOVEMBER 1984

Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perak; Yang Berhormat, Timbalan Menteri Pertahanan; Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Yang Berbahagia, Panglima Tentera Laut; Dif-Dif Kehormat; Para hadirin sekalian. Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan kurnia dan keizinanNya untuk kita bersama-sama pada hari ini bagi merasmikan pembukaan Markas Panglima Armada dan Sistem Komunikasi Tentera Laut Diraja Malaysia.

2. Markas Panglima Armada ini adalah markas operasi TLDM yang terbesar yang bertanggungjawab atas segala operasi kapal-kapal TLDM. Manakala sistem komunikasi TLDM pula adalah sistem komunikasi yang termoden di kawasan ini, mampu berhubung terus dengan unit-unit TLDM di seberang laut sejauh lebih kurang dua ribu hingga lima ribu batu notika dengan menggunakan sistem komputer. Dengan ini, adalah jelas kepada kita bahawa TLDM telah maju ke hadapan dengan kelengkapan yang moden dan sofistikated sejajar dengan perkembangan dan permodenan TLDM keseluruhannya. Permodenan dan pembesaran TLDM adalah perlu memandangkan tanggungjawabnya yang kian bertambah.

3. Perkembangan TLDM juga adalah daripada segi kapal-kapal yang besar dan moden yang boleh dibanggakan. Kerajaan telah banyak membelanjakan wang dalam mengadakan berbagai infrastruktur bagi keselesaan para anggota TLDM yang semakin bertambah. Saya percaya kemudahan-kemudahan ini akan digunakan dengan sepenuhnya.

4. Kemodenan peralatan sesuatu angkatan tentera tidak semestinya menjamin kemenangan. Apa yang diperlukan juga ialah anggota-anggota yang berdisiplin, bermotivasi, dedikasi dan efisien. Ini adalah kerana para anggota tenteralah yang akan menggerakkan peralatan itu, merekalah yang akan menentukan kemudahan-kemudahan ini dapat digunakan dengan sepenuhnya dan mereka jugalah yang akhirnya akan dapat menjamin kejayaan dan kemenangan. Justeru itu saya ingin menekankan di sini bahawa disiplin, kemahiran, motivasi dan kecekapan anggota tentera tidak boleh diabaikan dan anggota-anggota tentera pula mestilah sentiasa bersikap positif dan berani dalam menjalankan tugas-tugas seharian mereka.

Para hadirin sekalian,

5. Tentera laut tidak akan dapat melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna tanpa disiplin. Disiplin adalah tulang belakang angkatan tentera. Maka dengan itu setiap anggota perlu mempunyai taraf disiplin yang tinggi. Angkatan tentera kita memang mempunyai disiplin yang tinggi. Namun demikian usaha-usaha perlu diteruskan pada setiap masa untuk meningkatkan lagi mutu disiplin di kalangan anggota tentera.

6. Kita bersyukur bahawa negara kita aman dan sejahtera. Keadaan ini wujud kerana terdapatnya perpaduan dan keharmonian yang telah membenarkan kita membangun dengan pesat. Namun demikian angkatan tentera kita hendaklah sentiasa berwaspada memandangkan akan pergolakkan-pergolakkan yang berlaku di rantau ini. Walaupun kita mempunyai rakan untuk memberi pertolongan sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini, tetapi kita mesti ingat bahawa akhirnya pertahanan dan keselamatan negara kita terletak di tangan kita sendiri. Janganlah kita terlalu berharap kepada pihak yang lain apabila menghadapi sesuatu. Pertolongan yang mereka akan beri, walau jujur sekalipun, sudah tentu terhad. Kitalah yang akan menentukan nasib dan masa depan negara kita.

7. Akhir kata saya berharap semua pegawai dan anggota TLDM, akan menjalankan tugas masing-masing dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab.

8. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka dengan rasmi Markas Panglima Armada TLDM ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.